

**NO. SOALAN : 113**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. PUAN MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN [MASJID TANAH]**

**TARIKH JAWAPAN : 17 JUN 2014 (SELASA)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan

**:-**

- (a) langkah-langkah menangani kenaikan tarif elektrik yang menyeluruh, holistik dan untuk jangka masa panjang yang telah diambil atau diperkenalkan oleh pihak Kerajaan; dan
- (b) status pencapaian 5% pengurangan bil elektrik bangunan Kerajaan seperti dalam ucapan Bajet 2014.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pada masa ini, salah satu cara untuk mengurangkan kos pembekalan elektrik yang berupaya menyumbang kepada pengurangan kadar kenaikan tarif elektrik adalah melalui meningkatkan prestasi kecekapan operasi TNB tanpa menjaskan sistem daya harap pembekalan elektrik di Semenanjung Malaysia. Di antara langkah-langkah yang sedang dan telah dilaksanakan adalah seperti berikut:
  - a) Pembasmian kes-kes kecurian elektrik supaya kehilangan tenaga dalam sistem pembekalan elektrik dapat diminimumkan;
  - b) Pemasangan sistem SCADA (Supervisory Control And Data Acquisition), dengan izin, dengan lebih meluas di seluruh negara untuk membolehkan operasi sistem pembekalan dijalankan dengan lebih efisien dan berkesan;
  - c) Pelaksanaan pelan menyeluruh bagi senggaraan yang cekap dan berkesan ke atas sistem pembekalan elektrik;
  - d) Pelaksanaan program rombakrawat (*refurbishment*) loji-loji janakuasa yang telah lama beroperasi bagi meningkatkan kecekapan dalam menjana tenaga elektrik; dan

- e) Penentuan dan semakan kadar tarif elektrik pada masa akan datang akan menggalakkan peningkatan kecekapan tanpa menjelaskan pencapaian sasaran operasi berasaskan rangka kerja kawal selia tarif berinsentif (*Incentive-Based Regulation*).
2. Walau bagaimanapun, pengguna juga harus memahami bahawa di bawah penstrukturran semula industri bekalan elektrik di negara ini, pengguna perlu membayar kos sebenar ke atas perkhidmatan yang diberikan. Dalam konteks ini, pengguna perlu turut memainkan peranan dengan mengambil langkah-langkah penjimatan penggunaan tenaga elektrik bagi mengurangkan beban yang mereka perlu tanggung berikutan peningkatan kos membekalkan elektrik.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

3. Sepertimana yang telah diumumkan di dalam ucapan bajet 2014, Kerajaan sangat komited dalam usaha meningkatkan tahap kecekapan tenaga di pejabat dan premis milik Kerajaan. Pencapaian penjimatan ini merupakan salah satu *Key Performance Indicator* (KPI) bagi semua Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan.

4. Kerajaan juga secara berterusan berusaha menggalakkan pengurusan tenaga dengan cekap di semua bangunan Kerajaan khususnya bangunan Kementerian di dalam dan luar Putrajaya. Kementerian saya bersama-sama Suruhanjaya Tenaga telah memantau penggunaan tenaga elektrik di 25 buah bangunan Kementerian di dalam dan luar Putrajaya dalam memastikan penjimatan bil elektrik sebanyak 5% dapat dicapai. Usaha ini bermula pada bulan Januari 2014 dan dilaporkan kepada Mesyuarat Jemaah Menteri secara suku tahun.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

5. Secara amnya, *trend* penggunaan tenaga elektrik keseluruhan bagi semua bangunan Kementerian bagi tempoh Januari hingga Mac 2014 didapati menurun, iaitu dari 62,945,670 kWj pada tahun 2013 kepada 60,271,544 kWj pada tahun 2014 atau bersamaan dengan penurunan sebanyak 4.2%.

6. Secara keseluruhannya, penggunaan tenaga elektrik di pejabat dan premis Kerajaan mencatatkan penurunan berikutan daripada pelaksanaan inisiatif serta amalan kecekapan tenaga elektrik selaras dengan pelaksanaan Surat Pekeliling Am mengenai Kaedah Penjimatan Tenaga Elektrik di Pejabat dan Premis Kerajaan. Pekeliling ini adalah

satu panduan kepada penjawat awam untuk melaksanakan penjimatan tenaga elektrik tanpa melibatkan pertambahan kos atau *no cost measures*, dengan izin, di pejabat atau premis Kerajaan.

\*\*\*\*\*